



## JABATAN INSOLVENSIA MALAYSIA (Mdl)

### KENYATAAN MEDIA

#### PENANGGUHAN BAYARAN ANSURAN BULANAN OLEH BANKRAP

Selaras dengan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi ataupun '*total lockdown*', YAB Perdana Menteri telah mengumumkan golongan B40, individu kehilangan pekerjaan dan perusahaan mikro serta Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang tidak dibenarkan beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 (PKP 3.0) diberikan pilihan untuk mendapatkan moratorium automatik selama tiga bulan.

Bagi menyokong langkah Kerajaan dan mengambil kira kesulitan yang dihadapi rakyat termasuklah bankrap, Mdl telah memutuskan untuk memberikan penangguhan bayaran ansuran bulanan di bawah Akta Insolvensi 1967 [*Akta 360*] bagi tempoh tiga (3) bulan bermula 1 Jun 2021 sehingga 31 Ogos 2021. Namun demikian, bagi bankrap yang tidak berhasrat untuk menerima moratorium ini, bolehlah meneruskan pembayaran secara dalam talian (*online*).

Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh disalurkan ke emel cawangan-cawangan Mdl atau melalui talian 03 8885 1361 / 1221 / 1321 / 1288 / 1065.

Sekian, terima kasih.

**JABATAN INSOLVENSIA MALAYSIA**

**1 Jun 2021**